

YAMTUAN DI SERI MENANTI SELEPAS RAJA MELEWAR

(2) Yamtuan Hitam, 1795-1808

Setelah mangkat Raja Melewar iaitu Yamtuan Seri Menanti yang pertama pada tahun 1795, Datuk Undang di Negeri Sembilan telah menghantar utusan kepada Raja Pagar Ruyung di Minangkabau memohon seorang lagi raja untuk dirajakan di Negeri Sembilan menggantikan almarhum Raja Melewar. Raja Pagar Ruyung telah menghantar seorang raja di Minangkabau yang bernama Raja Hitam untuk menjadi Raja di Negeri Sembilan.

Apabila Raja Hitam sampai di Negeri Sembilan, ia pun ditabalkan di Penajis, Rembau menjadi Yamtuan Seri Menanti dan bersemayam di Seri Menanti. Yamtuan Hitam telah berkahwin dengan Tengku Aishah puteri almarhum Raja Melewar dengan Cik Seni. Tetapi perkahwinan itu tidak menghasilkan anak. Yamtuan Hitam telah berkahwin pula dengan seorang perempuan kebanyakan bernama Cik Jingka. Dengan isteri baginda Cik Jingka ini, Yamtuan Hitam beroleh empat orang anak bernama Tengku Alang Husain, Tengku Ngah (perempuan), Tengku Ibrahim dan Tengku Awi (lelaki). Setelah dewasa, Tengku Alang Husain beristerikan Nyai Uban. Setelah menjadi Yamtuan Seri Menanti lebih kurang tiga belas tahun pada tahun 1808 Yamtuan Hitam pun mangkat.

(3) Yamtuan Lenggang 1808-1824

Setelah Yamtuan Hitam mangkat pada tahun 1808, Datuk Undang di Negeri Sembilan menghantar utusan lagi kepada Raja

Pagar Ruyung di Minangkabau memohon seorang raja untuk dirajakan di Negeri Sembilan menggantikan almarhum Yamtuan Hitam. Raja Pagar Ruyung telah menghantar seorang lagi raja di Minangkabau bernama Raja Lenggang ke Negeri Sembilan. Apabila Raja Lenggang sampai di Negeri Sembilan, ia pun ditabalkan di Penajis dan menjadi Yamtuan Seri Menanti yang ketiga dan bersemayam di Seri Menanti.

Apabila Raja Lenggang menjadi Yamtuan Seri Menanti baginda pun berkahwin dengan Tengku Ngah puteri almarhum Yamtuan Hitam. Tengku Ngah digelar Tengku Ampuan Ngah atau Tengku Puan Ngah. Perkahwinan Yamtuan Lenggang dengan Tengku Puan Ngah itu menghasilkan Raja Radin dan Raja Imam atau Tengku Ulin. Pada tahun 1820, Yamtuan Lenggang telah berhubung baik dengan Yamtuan Muda Jelebu iaitu Tengku Sabun atau Tengku Ahmad Shah. Bagi mengukuhkan perhubungan itu seterusnya, seorang puteri Tengku Sabun telah dikahwinkan dengan Raja Radin putera Yamtuan Lenggang. Pada masa Yamtuan Lenggang menjadi Yamtuan Seri Menanti baginda telah berikhtiar supaya apabila baginda mangkat kelak putera baginda Raja Radin menggantikan baginda menjadi Yamtuan. Rancangan baginda itu telah mendapat persetujuan Datuk Penghulu Ulu Muar yang bernama Datuk Bongkok Abdul Malik. Pada tahun 1824, ketika Raja Radin baharu berumur lebih kurang tiga belas tahun dengan tidak disangka-sangka Yamtuan Lenggang mangkat di Seri Menanti. Setelah Yamtuan Lenggang mangkat, Datuk Bongkok Abdul Malik (Penghulu Ulu Muar) memaklumkan hal itu kepada Datuk Undang Yang Empat dan memohon supaya Raja Radin (putera almarhum Yamtuan Lenggang) dijadikan Yamtuan Seri Menanti. Datuk Kelana Sungai Ujong (Datuk Kelana Kawal) yang menjadi Ketua Undang Yang Empat dalam Negeri Sembilan yang berkuasa memilih orang yang hendak dijadikan Yamtuan Seri Menanti tidak bersetuju dengan permohonan Datuk Penghulu Ulu Muar kerana pada pendapat Datuk Kelana Sungai Ujong, ganti Yamtuan Seri Menanti itu patut dipilih dari seorang raja di Minangkabau.

Datuk Kelana Sungai Ujong telah menghantar pasukan perangnya menyerang dan mengalahkan pihak Datuk Penghulu Ulu Muar (Datuk Bongkok Abdul Malik). Selepas itu baharulah Datuk Kelana Sungai Ujong melantik seorang raja bernama Raja Kerjan memang-

ku jawatan Yamtuan Seri Menanti sementara menantikan seorang raja dari Minangkabau yang akan dijadikan Yamtuan Seri Menanti. Dua tahun kemudian iaitu pada tahun 1826, datanglah seorang raja dari Minangkabau yang dipilih oleh Datuk Kelana Sungai Ujong untuk dijadikan Yamtuan di Seri Menanti. Raja itu bernama Raja Labuh atau disebut juga namanya Yamtuan Sati. Raja Labuh (Yamtuan Sati) ini datang bersama isterinya anak Raja Asil. Pada masa Yamtuan Sati (Raja Labuh) menjadi Yamtuan di Seri Menanti, ia telah bersahabat dengan Raja Kerjan; pada hal Raja Kerjan itu tidak disukai oleh orang di Negeri Sembilan. Oleh sebab itu, tidaklah Yamtuan Sati dapat membuat persahabatan ke Rembau, Ulu Muar dan Johol (tempat kediaman Raja Radin). Yamtuan Sati hanya dapat bersahabat dengan Datuk Kelana Sungai Ujong yang melantiknya itu. Empat tahun kemudian iaitu pada tahun 1830, Yamtuan Sati telah berselisih faham dengan Datuk Kelana Sungai Ujong (Datuk Kelana Kawal). Punca pergaduhan itu ialah seperti berikut:

Dalam tahun 1830, Datuk Kelana Kawal telah pergi ke Seri Menanti kerana suatu temasya menyabung ayam. Dalam persabungan itu Datuk Kelana telah menang dan dapat beberapa karung duit tembaga. Pada masa itu timbullah perselisihan di antara Datuk Kelana dengan Yamtuan Sati, kerana Yamtuan Sati mahu sedikit daripada wang kemenangan Datuk Kelana itu. Datuk Kelana pun marah kepada Yamtuan Sati. Akhirnya Datuk Kelana telah memerintahkan Datuk Ulu Muar menyerang dan menurunkan Yamtuan Sati dari jawatan Yamtuan Seri Menanti. Datuk Ulu Muar terus menyerang dan mengalahkan Yamtuan Sati di Seri Menanti. Yamtuan Sati pun terpecah daripada jawatan Yamtuan Seri Menanti, lalu lari melindungi dirinya ke Melaka.

(4) Yamtuan Radin 1830-1861

Setelah Yamtuan Sati (Raja Labuh) dipecat ada lima orang raja yang meminta dan menuntut hendak menjadi Yamtuan Seri Menanti, iaitu Raja Radin puteri almarhum Yamtuan Lenggang (Yamtuan Seri Menanti yang keempat); Yamtuan Beringin, iaitu seorang raja yang menjadi penjaga Raja Radin; Raja Kerjan yang pernah memegang jawatan Yamtuan Seri Menanti dahulu; Yamtuan Sati

(Raja Labuh) yang baharu dipecat itu dan Raja Ali Yamtuan Muda Rembau. Tetapi Datuk Undang Sungai Ujong dengan disokong oleh Datuk Undang Rembau telah bersama-sama melantik Raja Radin menjadi Yamtuan Seri Menanti pada tahun 1830.

Raja Beringin yang menggelarkan dirinya Yamtuan Beringin itu tinggal di Kampung Tengah dan beristeri di situ. Raja Beringin telah beroleh empat orang anak lelaki dan seorang perempuan. Yang lelaki bernama Raja Sulung, Raja Alang Sohor, Raja Ali dan Raja Yasin dan yang perempuan bernama Raja Pudi. Yamtuan Radin telah menjadi Yamtuan Seri Menanti selama kira-kira tiga puluh tahun (1830-1861). Baginda telah mangkat di Seri Menanti pada tahun 1861 dan meninggalkan puteranya bernama Tengku Antah dan Tengku Muda Cik.

(5) Yamtuan Imam 1861-1869

Setelah Yamtuan Radin mangkat pada tahun 1861, Datuk Undang Yang Empat dan Penghulu-penghulu di Negeri Sembilan hendak melantik Tengku Antah menjadi Yamtuan Seri Menanti menggantikan ayahnya almarhum Yamtuan Radin. Tetapi Tengku Antah telah menolak dengan alasan ia belum dewasa dan ia bersetuju ayah saudaranya Tengku Imam adik almarhum Yamtuan Radin dilantik menjadi Yamtuan Seri Menanti. Dalam hal yang demikian tiba-tiba berlaku huru-hara kerana Raja Alang Sohor bin Raja Beringin serta adik-adiknya yang tinggal di Kampung Tengah telah membawa satu pasukan pengikutnya hendak menyerang Istana Besar di Seri Menanti dengan tujuan hendak menuntut supaya jawatan Yamtuan Seri Menanti itu diberikan kepada Raja Alang Sohor. Tetapi orang-orang pasukan Raja Alang Sohor itu hanya menembak ke arah Istana Besar dari jauh sahaja dan tidak mendatangkan apa-apa kerosakan dan kecederaan. Tidak lama kemudian mereka pun lari balik ke kampung Tengah tanpa berita lagi.

Datuk Undang Yang Empat dan Penghulu-penghulu di Negeri Sembilan telah bermuafakat melantik Tengku Imam menjadi Yamtuan Seri Menanti yang kelima dengan nama Yamtuan Imam atau Yamtuan Ulin. Yamtuan Imam telah menjadi Yamtuan Seri Menanti selama lebih kurang lapan tahun. Baginda telah mangkat di Seri Menanti pada tahun 1869, dan gelar "Marhum Janggut". Di antara putera almarhum yang tinggal ialah Tengku Cindai (perempuan) dan

Tengku Ahmad Tunggal. Setelah dewasa, Tengku Cindai bersuami-kan Tengku Muda Cik putera almarhum Yamtuan Radin.

(6) Yamtuan Antah 1872-1888

Setelah Yamtuan Imam mangkat pada tahun 1869, berlakulah pergaduhan di antara putera-putera raja di Negeri Sembilan untuk merebut jawatan Yamtuan Seri Menanti itu. Tengku Ahmad Tunggal putera almarhum Yamtuan Imam telah berkeras menuntut supaya ia dilantik menjadi Yamtuan Seri Menanti. Ia mendakwa bahawa dialah yang berhak menerima jawatan Yamtuan Seri Menanti kerana ia putera kepada Yamtuan yang baharu mangkat itu. Tetapi Orang Besar-besar dan Penghulu-penghulu Luak di Negeri Sembilan tidak bersetuju melantik Tengku Ahmad Tunggal menjadi Yamtuan kerana kelakuannya tidak baik. Oleh sebab pada masa itu belum dapat ditetapkan orang yang hendak memegang jawatan Yamtuan Seri Menanti seorang Orang Besar yang berpengaruh di Negeri Sembilan bernama Kahar (gelarannya Datuk Siamang Gagap) telah melantik Tengku Puan Intan, janda almarhum Yamtuan Radin menjadi pemangku Raja sementara Datuk-datuk Penghulu luak mencari penyelesaian untuk mendapatkan seorang pengganti Yamtuan Seri Menanti.

Setelah tiga tahun iaitu pada tahun 1872, Datuk-datuk di Seri Menanti bercadang hendak melantik Tengku Lintau (Tengku Besar) abang Tengku Antah sebagai pemangku Yamtuan Seri Menanti; tetapi Tengku Lintau telah menolak jawatan itu kerana ia seorang alim dan warak yang tidak suka masuk campur urusan politik dalam negeri. Ia lebih suka mengerjakan amal ibadat. Oleh sebab itu dalam tahun 1872 itu juga, Tengku Antah (putera almarhum Yamtuan Radin) pun dilantik menjadi Yamtuan Seri Menanti yang keenam dan Tengku Puan Intan pun meletakkan jawatan pemangku Raja yang disandangnya dari tahun 1869-1872. Pada tahun 1872 itu juga, Datuk Kelana Sendeng (Datuk Kelana Sungai Ujong) yang berumur kira-kira lapan puluh tahun meninggal dunia. Anak saudaranya Laksamana Syed Abdul Rahman dilantik menjadi Datuk Kelana Sungai Ujong. Ayah Syed Abdul Rahman ini seorang Arab; ibunya adik-beradik dengan Datuk Kelana Bahi (Datuk Kelana Sungai Ujong yang ketiga).

Apabila Tengku Ahmad Tunggal tidak dapat menjadi Yamtuan

Seri Menanti, ia pun mengundurkan diri lalu pergi ke Sungai Ujong merapati Datuk Kelana Syed Abdul Rahman. Dalam tahun 1872 itu juga, Syed Abdul Rahman yang baharu menjadi Datuk Kelana Sungai Ujong telah dicabar dan ditentang oleh Datuk Bandar Tunggal (Abdullah bin Ahmad) yang berpusat di Rasah dekat Seremban. Beliau ini seorang kaya yang banyak mempunyai lombong bijih timah. Sejak itu bermusuhlah Datuk Kelana Syed Abdul Rahman dengan Datuk Bandar Tunggal.

Sungai Ujong Menerima Residen British

Pada 21 April 1874, Datuk Kelana Syed Abdul Rahman bagi pihak Sungai Ujong dengan Datuk Muda Linggi telah membuat surat perjanjian dengan gabenor Sir Andrew Clarke di Singapura bagi pihak kerajaan British. Sejak itu, Datuk Kelana Syed Abdul Rahman telah meletakkan dirinya dan luak Sungai Ujong di bawah lindungan British, terutama mengharapkan bantuan tentera upahan dan askar bagi melawan musuhnya Datuk Bandar Tunggal Abdullah bin Ahmad. Surat Perjanjian di antara Datuk Kelana Sungai Ujong, Syed Abdul Rahman dan Datuk Muda Linggi dengan Sir Andrew Clarke pada 21 April 1874 itu adalah seperti di bawah ini:

Sanya oleh kerana di dalam Luak Sungai Ujong kerap kali berlaku perbalahan dan oleh kerana ramai orang-orang jahat yang tidak berhak telah membuat kubu di tebing Sungai Linggi dan dengan menggunakan senjata-senjata telah menyekar orang-orang berniaga membawa dagangan-dagangan mereka mudik dan menghilir sungai yang tersebut, dan oleh kerana kerajaan British sanggup, atas kemahuan Undang Luak Sungai Ujong, dan bagi perlindungan hak-hak rakyat jelata, bagi kemajuan perniagaan dan bagi kemakmuran Luak yang tersebut dan memperluas kesanggupannya kepada kerajaan Luak yang tersebut: Dan sanya Undang Luak Sungai Ujong telah bersungguh-sungguh mencuba membersihkan sungai itu daripada orang-orang jahat dengan perbuatannya yang tidak halal itu dan bagi maksud ini ia telah memesan bekalan senjata-senjata api, ubat-ubat bedil yang ada tersimpan sulit di Singapura. Dan sanya atas adanya disampaikan kepada Tuan Yang Terutama Gabenor Singapura atas hasrat Undang Luak

yang tersebut untuk mencuba lagi membersihkan sungai yang tersebut supaya perniagaan di negeri itu pulih semula dan bertambah-tambah lagi dan bagi maksud ini ia telah meminta supaya bekalan-bekalan senjata api dan ubat-ubat bedil diberikan kepadanya dan dibawakan ke Luak Sungai Ujong, dan Tuan Gabenor sungguhpun suka hendak memberi bantuan kepadanya bagi maksud membersihkan Sungai Linggi daripada bencana-bencana yang tersebut akan tetapi adalah memikirkan sebelum permintaan Undang Luak bagi senjata-senjata api dan ubat bedil dan segala perlindungan kerajaan British ditunaikan maka hendaklah ada sepenuh pengakuan bahawa senjata-senjata api dan ubat-ubat bedil itu tidak sekali-kali digunakan bagi maksud-maksud yang merbahaya kepada keamanan Luak yang tersebut dan merosakkan ahli-ahli perniagaan dan orang-orang lain yang berulang-alik ke Luak itu dan kerajaan Luak itu hendaklah dijalankan oleh Undang Luak yang tersebut dan pegawai-pegawainya dengan berdasarkan keadilan dan keinsafan, dan nyawa dan harta benda ahli-ahli perniagaan dan orang-orang lain hendaklah diperindungi dengan sempurnanya oleh Undang Luak yang tersebut dan pegawai-pegawainya. Dan sanya luak yang tersebut dan pegawai-pegawainya bersetuju membuat satu pengakuan berkenaan dengan hal ini.

Maka sekarang di hadapan saksi adalah kami yang mempunyai nama dan cap mohor yang termetri di bawah ini memberi pengakuan, bertanggungjawab dan terikat kepada Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Victoria, United Kingdom of Great Britain dan Ireland, Raja sebanyak \$50,000/- yang akan dibayar kepada Seri Paduka Baginda dan ganti-gantinya di atas takhta kerajaan dan untuk menentukan yang bayaran ini tidak akan mungkir maka terikatlah kami kepada perjanjian ini dan juga tiap-tiap seorang daripada kami dan ganti-ganti kami dalam jawatan dan tiap-tiap waris kami dan pemegang-pemegang kuasa kami dan siapa-siapa jua daripadanya. Dan dengan tertakluk selagi syarat-syarat perjanjian ini dipatuhi oleh Undang Luak yang tersebut dan pegawai-pegawainya maka kesanggupan dan perlindungan kerajaan british akan dihulurkan kepadanya untuk mem-

pertahankan kebebasan, keamanan dan kemajuan bagi Luak Sungai Ujong.

Syarat pengakuan yang tersebut di atas ialah jika sekiranya orang-orang yang memberi pengakuan yang tersebut dan tiap-tiap seorang daripadanya dan tiap-tiap gantinya hendaklah dalam semua perkara menjalankan dengan betul dan baik Kerajaan Luak Sungai Ujong sepanjang mana yang mereka berkuasa dengan berdasarkan keadilan dan sama rata, dan akan memperlindungi daripada segala perbuatan yang tidak adil dan zalim semua orang-orang yang berulang-alik ke Luak itu menggunakan Sungai Linggi dan melihat Sungai Linggi itu terbuka kepada perjalanan dan perdagangan yang halal dan akan mencegah orang-orang yang mencerobohi atau mengganggu orang-orang yang hilir mudik sungai itu, dan orang-orang mengutip sewa-sewa dan cukai daripada orang-orang yang menggunakan sungai yang tersebut, walau dengan secara apa pun, selain daripada cukai dan sewa-sewa asal yang telah dikenakan bagi menggunakan Sungai itu, dan untuk perlindungan dan kesenangan ahli-ahli perniagaan, oleh pihak yang berkuasa yang diakui oleh Undang Luak yang tersebut dan dengan kebenaran dan persetujuan Kerajaan Negeri Selat, dan atas permintaan kerajaan tersebut akan menyerahkan orang-orang yang telah melakukan kesalahan melanggar Undang-undang Negeri Selat yang harus datang mencari perlindungan atau dijumpai di dalam Luak yang tersebut dan tidak akan memberi perlindungan kepada musuh-musuh Kerajaan British, atau musuh Negeri-negeri dan Undang Luak yang bersekutu dengan Kerajaan British atau berdamai dengannya dan tidak akan membenarkan sesiapa menubuhkan atau mencuba menubuhkan angkatan-angkatan, atau mengumpulkan orang atau senjata-senjata di dalam Luak Sungai Ujong untuk melawan Kerajaan British atau sahabat atau yang bersekutu dengan Kerajaan British, dan mereka hendaklah memberitahu dengan segera kepada Kerajaan British atas segala perkara kejadian mengenai politik dan perniagaan di dalam Luak yang tersebut dan perhentian, daerah atau kawasan di Simpang, dengan di tepi-tepi tebing-tebing sungai kiri kanan Sungai Linggi dari Simpang hingga membawa ke

Permatang Pasir hendaklah ditempatkan di bawah kawalan dan perintah dan arahan Kerajaan British, kalau tidak perjanjian ini tidak sah, jika sebaliknya perjanjian ini berjalan kuat kuasa dengan sepenuhnya.

Tertulis di Rumah Kerajaan, Singapura, pada 21 April 1874 di hadapan Tuan Yang Terutama Sir Andrew Clarke, C.B., K.C.M.G., & C., & C., Gabenor.

Mohor dan Tandatangan
Datuk Kelana Abdul
Rahman.

Mohor dan Tandatangan
Datuk Muda Linggi.

(dipetik dari buku “Negeri Sembilan dan Sejarahnya” oleh Datuk Abdul Samad Idris).

Pada bulan Ogos tahun 1874, Datuk Kelana Syed Abdul Rahman telah meminta pihak British melantik seorang residen di Sungai Ujong. Pada bulan September tahun 1874 bendera Union Jack (Bendera British) telah dikibarkan di puncak tiang dekat rumah Datuk Kelana Syed Abdul Rahman di Ampangan diikuti dengan istiadat menembak meriam 21 das. Pada bulan November tahun 1874, 150 orang askar British lengkap bersenjata telah sampai di Seremban (Sungai Ujong). Pada masa itu, pihak Datuk Kelana Sungai Ujong menuduh Yamtuan Antah di Seri Menanti “belot” dan dengki kepada Datuk Kelana Syed Abdul Rahman di Sungai Ujong. Dengan bantuan askar-askar British yang datang ke Sungai Ujong, Datuk Kelana Syed Abdul Rahman telah menyerang pihak Datuk Bandar Tunggal lalu membakar Rahang dan memaksa Datuk Bandar Tunggal pergi ke Singapura untuk menyerah diri kepada gabenor di sana. Pada bulan Disember tahun 1874, Datuk Bandar Tunggal telah mengaku kalah kepada pihak Datuk Kelana Syed Abdul Rahman.

Pada awal tahun 1875, residen British yang pertama telah sampai di Sungai Ujong bagi membantu Datuk Kelana Syed Abdul Rahman menjalankan pemerintahannya di Sungai Ujong. Residen British yang pertama di Sungai Ujong ialah Patrick J. Murray. Dia

tinggal di Sungai Ujong berhampiran dengan rumah Datuk Kelana Syed Abdul Rahman di Ampangan.

Pasukan askar British yang dibawa oleh Patrick J. Murray ke Sungai Ujong itu ditempatkan di Rasah, kira-kira dua batu dari tempat kediaman residen British itu. Pasukan itu mengandungi seramai 68 orang polis dan di antara mereka itu 50 orang sahaja yang bersenapang. Di samping itu terdapat seramai 45 orang askar British diketuai oleh seorang rakyat British bernama Leftenan Hinxman. Oleh sebab Datuk Kelana Sungai Ujong (Syed Abdul Rahman) telah membawa orang British masuk ke Sungai Ujong, Datuk-datuk di Negeri Sembilan lebih cenderung menyebelahi Yamtuan Antah di Seri Menanti yang tidak menyetujui dasar dan tindakan Datuk Kelana Sungai Ujong itu. Datuk-datuk dan orang Melayu Negeri Sembilan memang tidak suka British mencampuri urusan pemerintahan dalam negeri mereka sendiri.

Pada suatu masa Datuk-datuk Undang Jelebu, Rembau dan Johol serta Datuk-datuk lain di seluruh Negeri Sembilan telah mengadakan mesyuarat kerana hendak menabalkan Yamtuan Antah sebagai Yamtuan Seri Menanti. Datuk Kelana Sungai Ujong (Syed Abdul Rahman) tidak hadir dalam mesyuarat itu. Oleh sebab itu Yamtuan Antah pun tidak mengiktiraf Datuk Kelana itu. Dalam bulan Oktober tahun 1875, orang Melayu semakin marah kepada pihak British kerana mencampuri pemerintahan di Negeri-negeri Melayu terutama apabila J.W.W. Birch, residen British yang pertama di negeri Perak dibunuh oleh orang Melayu Perak pada 2 November tahun 1875 di Pasir Salak. Semangat orang Melayu di negeri Perak dan Selangor telah mendorong mereka memberontak melawan British di Negeri Sembilan. Pemberontakan orang Melayu Negeri Sembilan melawan British berlaku lebih kurang setahun kemudian daripada peristiwa yang berlaku di negeri Perak dan Selangor.

Permusuhan Di antara Datuk Kelana Sungai Ujong Dengan Yamtuan Antah

Punca permusuhan di antara Datuk Kelana Syed Abdul Rahman di Sungai Ujong dengan Yamtuan Antah di Seri Menanti itu ialah berhubung dengan wilayah Teraci yang terletak dalam kawasan perintah Yamtuan Antah. Sempadan di antara wilayah

perintah Yamtuan Antah dengan wilayah perintah Datuk Kelana Sungai Ujong ialah banjaran gunung dari Gunung Berembun sampai ke Gunung Angsi, termasuk Bukit Putus. Teraci terletak di dalam perintah Yamtuan Antah, ketua yang memerintah di Teraci. Datuk yang memerintah di daerah-daerah sekitarnya seperti Datuk Ulu Muar, Gunung Pasir dan Jempol semuanya tertakluk kepada Yamtuan Antah di Seri Menanti. Keempat-empat daerah iaitu Teraci, Ulu Muar, Gunung Pasir dan Jempol ialah daerah-daerah kepunyaan peribadi Yamtuan Seri Menanti sendiri yang disebut "Tanah Mengandung". Teraci yang terpisah dari Sungai Ujong oleh Bukit Putus juga mempunyai perhubungan dengan Sungai Ujong. Apabila Datuk Kelana Sungai Ujong (sebelum Datuk Kelana Syed Abdul Rahman) hendak mengadap Yamtuan di Seri Menanti, di Teraci itulah Datuk Kelana disambut dan diraikan oleh pihak Yamtuan Seri Menanti. Kalau Yamtuan tidak ada di Seri Menanti, Datuk Teraci menjadi wakil Yamtuan menyampaikan perintah dari Yamtuan.

Ketika berlaku kekacauan hendak memilih dan melantik Yamtuan Seri Menanti (antara Tengku Antah dengan Tengku Ahmad Tunggal) pada tahun 1869, Datuk Kelana Sendeng telah melantik seorang Datuk memerintah di Teraci. Dalam tahun 1875 Datuk Kelana Syed Abdul Rahman telah mendakwa bahawa Teraci adalah daerah perintahnya. Patrick J. Murray yang baharu sahaja menjadi residen British di Sungai Ujong telah menerima dan mengiakan sahaja dakwaan Datuk Kelana Sungai Ujong itu.

Pada akhir bulan November tahun 1875, Yamtuan Antah telah memecat Datuk pemerintah Teraci yang dilantik oleh Datuk Kelana Sungai Ujong dahulu. Perbuatan Yamtuan Antah itu dipandang oleh Patrick J. Murray sebagai satu perbuatan mengacau dalam daerah perintah Datuk Kelana Sungai Ujong dan menyalahi undang-undang. Pada 27 November 1875, Patrick J. Murray bersama 20 orang askar yang diketuai oleh Leftenan Hinxman serta 30 orang polis, seorang doktor serta seorang juru bahasa bangsa Australia bernama Dominic Daly telah pergi ke Teraci. Murray tidak mendapati apa-apa kekacauan di Teraci. Tetapi Datuk yang memerintah di Teraci ketika itu bertuan kepada Yamtuan Seri Menanti. Pasukan yang dibawa oleh Hinxman iaitu pasukan Murray telah berhenti berkhemah kerana bermalam dalam daerah Teraci.

Esoknya, pada 28 November 1875 Murray berkemas hendak membawa pasukannya balik ke Seremban. Dalam pada itu Daly pula hendak mengukur tempat di antara Kampung Teraci dengan Kuala Pilah. Murray telah membawa pasukannya meninggalkan Teraci lalu mendaki Bukit Putus hendak balik ke Seremban. Daly dengan tujuh orang kakitangan bertolak pula masuk ke Teraci. Di suatu tempat di Teraci, di tepi sebatang sungai dekat sawah di situ, Daly dengan orang-orangnya telah bertemu kumpulan orang Melayu seramai dua ratus orang yang sedang mengendap di balik-balik pokok dan mereka telah menyuruh Daly dan orang-orangnya balik semula ke Seremban.

Daly telah membawa orang-orangnya berjalan patah balik sambil menghantar seorang pesuruhnya pergi meminta bantuan kepada Murray yang telah berjalan ke Seremban itu. Lt. Hinxman telah menghantar pasukannya memerangi orang Melayu di lembah Teraci. Pasukan yang dibawa oleh Hinxman telah mendaki Bukit Putus. Kedatangan pasukan Murray ke lembah Teraci dan diikuti kemudian oleh pasukan Hinxman dipandang oleh Yamtuan Antah sebagai menyerang ke daerah perintahnya, dan sebagai bukti kepada apa yang akan dilakukan oleh Datuk Kelana Sungai Ujong dengan pasukan pembantunya orang Inggeris untuk menjatuhkan kedudukan Yamtuan Antah.

Yamtuan Antah telah mengerahkan pasukan perangnya seramai lebih kurang 4,000 orang bersedia. Datuk-datuk dalam wilayah Seri Menanti semuanya memberi pertolongan penuh kepada Yamtuan Antah. Undang Jelebu, Johol, Rembau dan Tengku Besar Tampin semua telah bersedia hendak membantu Yamtuan Antah jika kelihatan Yamtuan Antah akan berjaya. Pasukan perang Yamtuan Antah itu telah mendaki dan menyeberangi Bukit Putus lalu mengancam Paroi yang terletak di kaki banjaran gunung arah ke Sungai Ujong. Yamtuan Antah telah mengirim surat amaran kepada Patrick J. Murray supaya jangan datang lagi ke Teraci. Pada masa itu mulalah askar Yamtuan Antah melakukan keganasan dalam kawasan yang terletak hanya beberapa batu sahaja di luar bandar Seremban.

Murray dan Hinxman pun telah bersedia dan sedang menanti bantuan dari Negeri-Negeri Selat untuk menghalau pasukan Yamtuan Antah yang datang mengancam ke Seremban itu. Hinxman telah

menggali parit dan membuat tempat pertahanan di sekeliling perkhemahannya di Rasah. Dalam pada itu Hinxman sedar jika berlaku serangan dari pihak Yamtuan Antah tentulah mendukacitakan pihak British, kerana pada masa itu Hinxman cuma ada kurang 83 butir peluru. Dalam pada itu Hinxman terpaksa pula memberi 12 orang askar dari pasukannya pergi membantu polis pengawal di Residency Seremban. Murray dan Hinxman telah memberitahu ke Negeri-Negeri Selat iaitu mereka tidak dapat melawan pihak Yamtuan Antah jika tidak ada bantuan dari Negeri-Negeri Selat. Sementara itu keadaan pihak British di Sungai Ujong semakin bertambah genting. Pada 2 dan 3 Disember tahun 1875 pasukan Yamtuan Antah seramai 200 orang telah dapat menawan Paroi. Pada masa itu mereka hanya sejauh lima batu dari Seremban dan telah menguatkan kekuatan mereka di Paroi.

Pada pagi pasukan Yamtuan Antah menawan Paroi, bantuan British dari Melaka mengandungi 20 orang askar yang diketuai oleh Lt. Peyton telah sampai ke Seremban. Pasukan Peyton disertai bersama oleh Plunket, majistret dan Pemangku Lt. Gabenor Melaka yang hendak melihat keadaan di Sungai Ujong itu sendiri. Esoknya, pada 4 Disember 1875 Hinxman telah membawa satu pasukan peronda dari Rasah ke Paroi. Pasukan peronda itu mengandungi 30 orang askar, 30 orang polis dan 6 orang askar berbangsa Arab. Kira-kira setengah batu lagi hendak sampai ke Paroi, pasukan yang dibawa oleh Peyton dan Hinxman telah diserang oleh orang Melayu yang menggunakan senapang. Pasukan itu hampir-hampir dapat dikepung oleh orang Melayu yang lebih ramai. Pasukan pihak British telah lari berundur dan dikejar oleh orang Melayu sejauh empat batu. Oleh sebab askar Arab serta askar British bertahan dan melawan serangan orang Melayu dengan berani dapatlah Hinxman dan Peyton membawa pasukan mereka balik ke Rasah. Orang-orang Yamtuan Antah yang mengejar pasukan Hinxman dan Peyton telah menduduki dan terus bertahan di sebuah rumah di tepi Sungai Linggi berseberangan dengan Ampangan.

Pada 5 Disember 1875, Murray telah menyerang orang Melayu dengan pasukan polis yang menggunakan meriam Datuk Kelana Sungai Ujong. Orang-orang Yamtuan Antah pun lari. Akhirnya pada 8 Disember 1875 datanglah bantuan dari pihak British ke Sungai Ujong bersama-sama Lt. Gabenor Pulau Pinang bernama

Anson. Pasukan British itu mengandungi seramai 350 orang askar Gurkha. Lima puluh orang lagi askar British dibawa dari Melaka.

Pada masa itu tersiarlah berita angin di Melaka mengatakan Yamtuan Antah dengan pembantu-pembantunya akan menyerang Sungai Ujong dari tiga arah iaitu dari Jelebu, Teraci dan Rembau. Beberapa orang ketua orang Cina di Melaka telah menyediakan pekerja-pekerja untuk membawa barang-barang tentera British dari Melaka belayar ke Lukut dan dari Lukut dibawa ikut jalan darat ke Sungai Ujong. Raja Bot bin Raja Jumaat pemerintah Lukut telah merungut kerana tentera British menggunakan Sungai Lukut dalam perjalanan mereka ke Seremban. Pada masa itu Lukut yang diperintah oleh Raja Bot telah mundur dan tiadalah ia dapat berkeras kepada British.

Beberapa Catatan

1. 3 Disember 1875 Lt. Peyton yang membawa 20 orang askar telah sampai ke Sungai Ujong dengan mengikut jalan darat dari Melaka.
2. 4 Disember 1875 Fontaine yang membawa askar Arab telah sampai di Melaka. Pada 5 Disember 1875 pasukan ini telah mendapat di Lukut dan sampai di Seremban pada 6 Disember 1875.
3. 5 Disember 1875 Patrick J. Murray telah menyerang orang Melayu pengikut Yamtuan Antah.
4. 7 Disember 1875 seramai 50 orang askar pihak British telah bertolak dari Melaka mengikut jalan darat datang ke Seremban. Pada hari itu juga, Hinxman membawa satu lagi pasukan perang pihak British menyerang pihak Yamtuan Antah di Paroi dengan tujuan hendak menghalau askar Yamtuan Antah supaya berundur ke Bukit Putus. Pasukan yang dibawa oleh Hinxman mengandungi 35 orang askar, 48 orang polis dan semua askar Arab yang ada di Seremban seramai 85 orang dengan diketuai oleh Fontaine. Turut bersama dalam pasukan Hinxman ialah Peyton, Murray, Skinner, Fontaine dan Robinson.

Pada masa itu askar Yamtuan Antah sedang bertahan dengan kuat di Paroi. Mereka mendiami 20 buah rumah yang telah diperkuat dan diberi lubang pada dindingnya bagi menjulurkan senapang

untuk menembak musuh. Di hadapan kampung itu telah dibina kubu-kubu yang keadaannya separuh melengkung dan di hadapan kubu-kubu yang mengadap arah ke Seremban terbentang pula paya-paya yang lebarnya 170 ela. Di kiri kanan pasukan Yamtuan Antah dilindungi oleh bukit yang berhutan. Tidak kurang daripada 600 orang askar Yamtuan Antah menjaga di sebelah kiri kanan pasukan besar Yamtuan Antah itu.

Pada 7 Disember 1875, pasukan yang dibawa oleh Hinxman telah sampai di Paroi. Mereka tidak dapat masuk ke kubu pertahanan Yamtuan Antah kecuali pasukan askar Arab seramai 20 orang yang diketuai oleh Robinson yang telah menyerang dari sebelah kiri pasukan Yamtuan Antah. Mereka telah bertempur dengan askar Yamtuan Antah di situ. Askar Arab telah menyerang hendap dan membunuh beberapa orang askar Melayu. Bagaimanapun askar Arab itu terpaksa juga berundur kerana mereka telah ditembak oleh pasukan Yamtuan Antah yang sedang berkubu di sebuah tanah tinggi dekat situ. Sungguhpun pasukan pihak British yang dibawa oleh Hinxman tidak dapat masuk ke kubu pertahanan askar Yamtuan Antah, tetapi setelah kira-kira sejam lamanya tembakan antara kedua belah pihak, askar British menyeberangi paya-paya yang terbentang di hadapan kubu pertahanan askar Yamtuan Antah itu. Beberapa orang askar pihak British telah beroleh kemalangan kerana ditembak oleh askar Yamtuan Antah. Kemudian Hinxman dan Peyton membawa satu pasukan seramai 20 orang askar British dan Arab dengan senapang masing-masing yang telah dipasang benet melalui jalan yang terbuka untuk menyerang kubu pertahanan askar Yamtuan Antah. Tetapi askar pihak British itu telah tersesat jalan dan diburu oleh askar Yamtuan Antah dengan tembakan yang bertubi-tubi. Sementara itu bantuan pihak British yang diketuai oleh Skinner telah membawa beberapa pucuk meriam. Murray telah menggunakan meriam-meriam itu menembak ke arah pasukan Yamtuan Antah. Setelah pihak British menembak sebanyak sepuluh das, pasukan Yamtuan Antah pun berundur. Paroi pun dapat ditawan oleh pihak British. Dalam pertempuran di Paroi itu seramai 37 orang askar British dan Arab terbunuh dan ramai yang luka. Begitulah kisah pertempuran yang telah berlaku di Paroi pada 7 Disember tahun 1875.

Pada 10 Disember 1875 pasukan askar Gurkha seramai 250

orang dengan pegawainya seramai 32 orang serta pasukan meriam dari kapal perang H.M.S. Thistle telah sampai di Seremban dari Lukut. Pada masa itu Lt. Kolonel Clay, Pegawai Pemerintah askar British di Melaka telah mengambil tugas menjadi Ketua Pemerintah Askar British di Sungai Ujong. Clay membawa 500 orang askar yang lengkap bersenjata. Pada masa itu Bukit Putus masih dalam tangan orang Melayu pengikut Yamtuan Antah. Pihak British di Sungai Ujong telah menetapkan hendak menyerang Bukit Putus dari berbagai penjuru. Satu pasukan yang diketuai oleh Murray telah bertolak dari Seremban menuju ke Bukit Putus mengikut jalan Langkap pada 19 Disember 1875. Pasukan Lt. Kolonel Clay pula telah menyerang ikut sebelah sana Bukit Putus dengan pergi dahulu ke Jelebu, lalu melencong ke belakang Bukit Putus. Clay dijangka akan menyerang pada 22.11.1875. Pasukan itu mengandungi seramai 280 orang askar kebanyakannya askar Gurkha. Akhirnya setelah berlaku pertempuran Bukit Putus pun ditawan oleh pihak British.

Setelah menawan Bukit Putus, Lt. Kolonel Clay membawa pasukannya masuk ke Seri Menanti dengan tidak menemui apa-apa halangan. Yamtuan Antah dan anak isteri baginda telah keluar meninggalkan Seri Menanti pergi ke Johor. Kaptem Channer yang memimpin Pasukan Peninjau pihak British telah berjasa besar dalam kemenangan pihak British menawan Paroi dan Bukit Putus itu. Dia telah dianugerahkan bintang V.C. (Victoria Cross). Hinxman telah dinaikkan pangkat menjadi kapten. Sampai di sini tamatlah kisah perang Yamtuan Antah melawan pihak British di Sungai Ujong dan Bukit Putus dalam tahun 1875. Orang besar Melayu yang telah menolong Murray dan pihak British ialah Tengku Ahmad Tunggal, musuh Yamtuan Antah yang tidak dapat menjadi Yamtuan Seri Menanti dan seorang lagi disebut namanya oleh pihak British "Angki Bongsu"; tetapi tiadalah diketahui siapa orangnya.

Yamtuan Antah Selepas Perang Di Bukit Putus

Yamtuan Antah yang melarikan diri ke Johor telah berjumpa Maharaja Johor (Maharaja Abu Bakar; kemudiannya bergelar Sultan). Dengan pertolongan Maharaja Johor, pada bulan Mei tahun 1876 Yamtuan Antah telah dapat berjumpa dan bercakap-cakap dengan gabenor di Singapura, Sir William Jervois.

Kemudian dalam bulan November tahun 1876, Yamtuan Antah

bersama empat orang Datuk dari daerah Seri Menanti, Johol dan Inas, telah berjumpa dan bercakap-cakap dengan gabenor di Singapura. Sejak itu kerajaan British telah bersetuju Yamtuan Antah berangkat balik ke Negeri Sembilan sebagai "Yamtuan Seri Menanti" bukan Yamtuan bagi seluruh Negeri Sembilan. Lain-lain daerah dalam Negeri Sembilan merdeka dalam perintah ketua daerah masing-masing. Tetapi luak Sungai Ujong tetap di bawah naungan perintah kerajaan British. Pada tahun 1877, baharulah Yamtuan Antah berangkat balik ke Seri Menanti memegang jawatannya sebagai Yamtuan Seri Menanti. Dua tahun kemudian iaitu pada tahun 1879, Datuk Kelana Syed Abdul Rahman yang menunaikan haji ke Mekah telah meninggal dunia di sana. Yamtuan Antah dengan isteri baginda Cik Puan Halimah berputerakan Tengku Muhammad dan Tengku Burhanuddin dan dengan isteri baginda yang bernama Cik Siti berputerakan Tengku Sulaiman dan Tengku Kahar.

Sepuluh tahun setelah peperangan melawan pihak British di Sungai Ujong dan Bukit Putus, iaitu setelah enam belas tahun menjadi Yamtuan Seri Menanti Yamtuan Antah pun mangkat di Seri Menanti pada tahun 1888.

(7) Yamtuan Muhammad 1888-1933

Setelah Yamtuan Antah mangkat pada tahun 1888, berlakulah perebutan kuasa hendak menjadi Yamtuan Seri Menanti. Adik almarhum Yamtuan Antah yang bernama Tengku Muda Cik (putera almarhum Yamtuan Radin, Yamtuan yang keempat) telah menuntut untuk menjadi Yamtuan Seri Menanti menggantikan abangnya almarhum Yamtuan Antah. Tengku Muda Cik telah berunding dengan Martin Lister yang pada masa itu menjadi Superintenden bagi Negeri Sembilan. Kemudian Martin Lister telah berunding pula dengan seorang Orang Besar yang berpengaruh di Negeri Sembilan bergelar Datuk Siamang Gagap (namanya yang sebenar Kahar). Dalam perundingan itu, Datuk Siamang Gagap menyatakan bahawa ia tidak bersetuju Tengku Muda Cik menjadi Yamtuan Seri Menanti kerana Tengku Muda Cik telah ditetapkan oleh ayahnya almarhum Yamtuan Radin mewarisi jawatan Yamtuan Muda Jelebu dan ia tidak berhak lagi di Seri Menanti.

Oleh itu pada tahun 1888 itu juga Penghulu yang berenam, iaitu

Penghulu Johol, Ulur Muar, Jempul, Teraci, Gunung Pasir dan Inas pun melantik putera sulung almarhum Yamtuan Antah, Tunku Muhammad (Tunku Besar) menjadi Yamtuan Seri Menanti yang ketujuh. Perlantikan itu telah diisytiharkan oleh Martin Lister. Undang Luak Sungai Ujong, Jelevu dan Rembau tidak berserta dalam perlantikan Tunku Muhammad menjadi Yamtuan Seri Menanti itu.

Surat daripada gabenor Sir Cecil Clementi Smith itu berbunyi demikian:

Bahawa ini surat tulus ikhlas iaitu daripada kita Sir Cecil Clementi Smith K.C.M.G., Governor dan Commander-in-Chief tiga buah negeri, Singapura, Pulau Pinang dan Melaka juga kiranya datang ke hadapan majlis sahabat kita Yang Mulia Datuk Penghulu Johol, Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan yang ada dengan selamatnya di dalam Negeri Johol dengan selamatnya.

Wa ba'dah daripada itu maka kita telah sudahlah menerima kabaran akan kehilangan kembali ke Rahmatullah Ta'ala Seri Paduka sahabat kita Tunku Antah itu dengan sebenarnya sangatlah dukacita dan masyghulnya maka negeri yang telah diperintahkannya dengan adil dan rajinnya itu menanggunglah kehilangan yang besar adanya.

Maka sahabat kita bolehlah ingat akan syarat-syarat bagi teriti (treaty) yang bertarikh pada 4 Jun 1887 itu iaitu di dalamnya yang kegantian itu telah sudahlah diputuskan, maka sekarang kita menulis kepada sahabat kita hanyalah menasihatkan sahabat kita mengerjakan apa yang wajib dan adat yang kebiasaan bagi menjalankan kehendak teriti itu dan apabila sahabat kita maklumkan kepada kita yang Tunku Besar Muhammad itu telah menggantikan Yamtuan itu bolehlah kita mengeluarkan satu surat seruan melantikkan dia menjadi Yamtuan Seri Menanti adanya.

Maka kita kirimkan ini kepada tangan Superintenden bagi Negeri Sembilan Yang Berhormat Tuan Martin Lister yang kita telah menyuruhkan dia bersama-sama tolong menolong dengan sahabat kita di dalam hal menjalankan peraturan yang kena mengena dengan ambilan gelaran Yamtuan Seri Menanti

oleh Tunku Besar Muhammad itu adanya.

Hanya berbanyak tabik juga kepada sahabat kita.

Pada 18 Mac 1889, Yamtuan Seri Menanti (Tunku Muhammad), Undang Luak Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Tengku Besar Tampin telah membuat surat perjanjian dengan gabenor Negeri-Negeri Selat. Menurut surat perjanjian ini, semua luak atau daerah dalam Negeri Sembilan menjadi sebuah negeri. Yamtuan Seri Menanti dan semua Undang Luak bersetuju menerima seorang Penasihat British. Sejak itu mulalah kerajaan British mencampuri secara langsung pemerintahan di Negeri Sembilan.

Pada tahun 1895, diperbuat surat perjanjian tertubuhnya Negeri-Negeri Melayu Bersekutu mengandungi negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Raja-raja dan Orang Besar-besar Negeri Sembilan turut sama menandatangani surat perjanjian itu dengan Raja-raja Melayu lainnya. Tiga tahun kemudian iaitu pada 29 April 1898, Tunku Muhammad iaitu Yamtuan Seri Menanti telah dilantik menjadi Yang Dipertuan Besar bagi seluruh Negeri Sembilan. Pada hari itu juga telah diperbuat surat perjanjian di antara Yamtuan Besar Seri Menanti dengan Tunku Burhanuddin ibni almarhum Yamtuan Antah dilantik menjadi Tengku Besar. Tunku Besar Burhanuddin berputerakan Tunku Durah (perempuan).

Surat perjanjian di antara Yamtuan Besar Seri Menanti Tunku Muhammad dengan Undang Yang Empat di Negeri Sembilan bertarikh 29 April 1898 itu adalah seperti yang berikut:

(1) Bahawa adalah dengan sesungguhnya beta Yang Dipertuan Muhammad C.M.G. ibni almarhum Yang Dipertuan Antah telah membuat surat perjanjian dengan Undang Yang Empat, pertama Datuk Kelana Putera serta Datuk Bandar Sungai Ujong; kedua, Datuk Menteri Akhir Zaman Sultan Jelebu; ketiga, Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan Johol; dan keempat, Datuk Sedia Diraja Rembau. Maka adalah beta serta Undang Yang Empat bersama-sama Tuan British Residen telah mengokohi peraturan adat negeri dan pesaka yang telah dibuat oleh orang tua-tua zaman dahulu kala iaitu seperti yang tersebut di bawah ini.

(2) Maka sekarang telah kembalilah Undang Yang Empat menabalkan beta menjadi raja di dalam Negeri Sembilan

kerana mengikut peraturan yang telah diperbuat oleh orang tua-tua.

(3) Ada pun darihal beta telah dirajakan di dalam Negeri Sembilan ini maka di dalam aturan dahulunya tiada pula beta mencampuri daripada perintah adat negeri atau syarak melainkan apa-apa yang berlaku di dalam luaknya masing-masing habislah ia dengan bermesyuarat dengan Tuan British Residen Negeri Sembilan tiada berkehendak dengan perintah beta.

(4) Jikalau berbangkit perselisihan di antara Undang dengan Undang, iaitu darihal pemerintahan luaknya, jika sekiranya Undang itu datang mengadap beta maka seharusnya beta mencampuri serta mengadilkan darihal itu, akan tetapi jika pegawai Undang Yang Empat atau rakyat di dalam pemerintahan Undang Yang Empat itu datang mengadap mengadukan hal atau dengan surat tidaklah kelak beta terima akan pengaduan mereka itu.

(5) Dan apakala sampai pada Hari Raya yang kedua di dalam aturan yang dahulu tiadalah pula Undang Yang Empat datang mengadap beta di dalam Istana Seri Menanti melainkan boleh diperbuatnya apa-apa peraturan di dalam luaknya masing-masing, akan tetapi jikalau beta membuat sesuatu pekerjaan yang besar seperti nikah kahwin dan sunat rasul beta persilakan Undang Yang Empat hendaklah Undang Yang Empat menyempurnakan darihal itu.

(6) Jika Yang Dipertuan itu mangkat maka seharusnya Undang Yang Empat itu membawa persembahan emas-manah ala kadar masing-masing dan seperti wang emas-manah itu sepatutnya dikeluarkan daripada Kerajaan Negeri Sembilan.

(7) Syahadan hendaklah Undang Yang Empat itu berkebulatan dan berkerapatan memilih di dalam putera itu ditabalkan menjadi Yang Dipertuan mengikut sebagaimana istiadat peraturan menabalkan Yang Dipertuan dahulu itu juga, demikianlah adanya.

Termaktub pada 8 Zulhijjah
Sanah Muhammadiyah 1315
bersamaan dengan 29 April Ta-
hun Masihi 1898.

Surat perjanjian ini ditandatangani oleh Tunku Muhammad Syah, Tuan E.W. Birch British Residen, Datuk Kelana Putera Makmur dan Datuk Bandar Haji Ahmad, Datuk Jelebu Abdullah, Datuk Johol Kamat dan Datuk Rembau Haji Siron bin Sidin.

Tunku Muhammad mempunyai tiga orang isteri, (1) Tengku Puan Ijah, berputerakan Tengku Abdul Aziz. Tengku Abdul Aziz telah mangkat pada tahun 1924. (2) Tengku Puan Cik (Tengku Puan Serting), berputerakan Tuanku Abdul Rahman; (3) Cik Rahah, berputerakan Tengku Nasir (Tengku Panglima Besar) dan Tengku Muhammad Alam Syah. Setelah menjadi Yamtuan Seri Menanti selama empat puluh tujuh tahun, pada 1 Ogos 1933, Tuanku Muhammad mangkat di Istana Besar Seri Menanti. Jenazah almarhum telah dikebumikan di Seri Menanti pada 3 Ogos 1933.

(8) Tuanku Abdul Rahman 1933-1960

Setelah Tunku Muhammad mangkat di Seri Menanti pada 1 Ogos 1933, putera almarhum yang bernama Tuanku Abdul Rahman dilantik menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Lebih kurang setahun kemudian iaitu pada 25 April 1934, baginda telah dianugerahi bintang kebesaran K.C.M.G. oleh King George V, Raja England. Pada tahun 1937 Tuanku Abdul Rahman telah berangkat ke England kerana menghadiri istiadat kemahkotaan King George VI, Raja England.

Pada tahun 1951, Tuanku Abdul Rahman telah berangkat lagi ke England kerana beralih angin dan berihat. Tiga tahun selepas itu iaitu pada tahun 1954 baginda telah berangkat lagi ke England kerana gering dan berubat di sana. Tuanku Abdul Rahman telah dianugerahi bintang kebesaran G.C.M.G. oleh Raja England pada tahun 1957. Di Persidangan Majlis Raja-Raja Melayu pada 3 Ogos 1957 Tuanku Abdul Rahman telah dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaya yang pertama.

Tuanku Abdul Rahman yang juga Yang di-Pertuan Agong Malaya telah mangkat di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 1 April 1960. Jenazah almarhum telah dibawa ke Seri Menanti dan dikebumikan di sana pada 5 April 1960. Almarhum Tuanku Abdul Rahman meninggalkan isteri dan beberapa orang putera iaitu:

- (1) Tunku Mahrum berputerakan Tunku Munawir.
- (2) Cik Maimunah berputerakan Tunku Aidah, Tunku Jaafar, Tunku Shaelah dan Tunku Abdullah.
- (3) Tunku Khursiah berputerakan Tengku Bahiyah dan Tunku Shahariah. Setelah dewasa, Tunku Bahiyah berkahwin dengan Sultan Abdul Halim Muazzam Syah, Sultan Kedah (Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang kelima).

(9) Tuanku Munawir 1960-1967

Setelah^{as} Tuanku Abdul Rahman mangkat, pada hari mengkebumikan jenazah almarhum iaitu pada 5 April 1960 putera almarhum yang bernama Tuanku Munawir dilantik menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Bonda Tuanku Munawir ialah Tunku Mahrum.

Tuanku Munawir beristerikan Tunku Durah pada tahun 1940, iaitu puteri kepada Tunku Besar Burhanuddin. Tunku Durah dilantik sebagai Tunku Ampuan Negeri Sembilan ketika Tuanku Munawir menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Setelah menjadi Yang Dipertuan Besar selama tujuh tahun pada bulan April tahun 1967 Tuanku Munawir pun mangkat.

(10) Tuanku Jaafar 1967 — Sekarang

Apabila Tuanku Munawir mangkat pada 18 April 1967, adinda almarhum Tuanku Jaafar dilantik menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, bergelar Tuanku Jaafar ibni almarhum Tuanku Abdul Rahman. Baginda masih bertakhta di Negeri Sembilan sekarang.

SALASILAH YAMTUAN NEGERI SEMBILAN

